

## **PRISMA**

### **KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAKAN**

Kami dilantik sebagai Pengendali Takaful di bawah struktur Wakalah. Struktur Wakalah adalah hubungan agensi antara dua pihak. Fi Wakalah dibayar kepada Kami untuk menanggung kos pengurusan dan pengedaran pelan.

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan pengunderaitan daripada DRP akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada sebarang lebihan agihan akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami untuk mengendali dan menguruskan DRP, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak upah yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan.

Perkongsian lebihan yang diagihkan kepada peserta adalah terkumpul dalam dana berasingan. 85% daripada keuntungan pelaburan dana berasingan akan dikongsi di kalangan peserta-peserta, di mana sijilnya masih berkuat kuasa, and baki 15% akan dibayar kepada Kami berdasarkan kontrak Mudarabah. Mudarabah adalah kontrak persetujuan bersama di antara Kami dan peserta untuk keuntungan pelaburan atau kerugian. Dana berasingan tersebut akan dibayar bersama dengan manfaat, pada tarikh tamat tempoh sijil, atau diminta oleh peserta pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh sijil dengan syarat amaun yang diminta adalah sekurang-kurangnya RM500.